





AHMAD BUJANG

MOHD. SAHARI NORDIN

IBS

INTERNATIONAL BOOK SERVICE
petaling jaya, selangor, malaysia

INTERNATIONAL BOOK SERVICE
33, Jalan 20/16
Petaling Jaya
Selangor

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan balik, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada elektronik, sawatan, salinfo, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin dari penerbit dan pihak Projek BAKA. Jabatan Pendidikan Bahasa, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

© Projek BAKA Ahmad Bujang, Mohd. Sahari Nordin 1985
Cetakan Pertama 1985

Cetakan Kedua 1985

ISBN 967 950 015 2 (Siri)

ISBN 967 950 020 9

M
928.9923

ZAB.A

Projek BAKA
Pengarah dan Ketua Editor : Prof. Madya Azman Wan Chik
Timb. Pengarah (Penyelidikan): Dr. Khadijah Rohani Mohd Yunus
Timb. Pengarah (Teknikal): Raja Maznah R. Hussain

465937
APB


26 JUL 1988

Perpustakaan Negara
Malaysia

ZA'BA:
PENDITA NEGARA

Di sebuah desa terpencil, Batu Kikir, di dalam daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan telah lahir seorang bakal "Pendita" tanahair kita.

Bapa pendita tersebut hanyalah seorang petani biasa, bernama Ahmad bin Ibrahim. Orang kampung memanggilnya "Cik Mat." Cik Mat dianggap alim kerana kebolehannya membaca Quran dan pengetahuannya mengenai Agama Islam. Dia juga terkenal di kampung itu kerana kebolehannya membaca dan menulis Jawi. Cik Mat menerima pendidikan Quran dan pelajaran jawi di tempat lahirnya iaitu di Linggi, Negeri Sembilan. Dia berpindah apabila berkahwin dengan seorang gadis bernama Intan Awaluddin yang tinggal di Batu Kikir.



Hasil daripada perkongsian hidup di antara Cik Mat dengan isterinya, seorang anak lelaki telah dilahirkan. Anak mereka yang dilahirkan pada tanggal 16 September 1895, telah diberi nama Zainal Abidin. Zainal Abidin beruntung kerana mendapat seorang ayah yang





alim serta dihormati oleh orang kampung. Beruntung lagi Zainal Abidin kerana ayahnya mengambil berat mengasuh dan mendidiknya.

Bila telah dewasa, Zainal Abidin tidak melupakan jasa kedua ibu bapanya. Dia menghargai jasabakaik orang tuanya. Penghargaannya itu telah dilahirkan dalam satu ungkapan yang dituliskan pada suatu ketika dan berbunya:

“Rumah itulah yang pertama kepada anak-anak bagi pelajaran bagaimana melakukan dirinya dalam kehidupan dunia ini.”

“Bagaimana lenturan yang dibentuk kepada anak-anak itu dari teladan dan ajaran ibu bapanya, maka begitulah mereka akan jadi.”

yang bermaksud bahawa semua pengajaran yang baik bermula dari rumah.

Cik Mat mengambil berat tentang pelajaran anaknya. Semasa Zainal Abidin berumur lima tahun dia sudah diajar mengaji Quran. Oleh kerana anak itu pintar, dalam tempuh tiga tahun sahaja Zainal Abidin sudah tamat membaca Quran. Dia juga mahir dalam rukun-rukun sembahyang serta boleh berzanji.

Walaupun belum bersekolah, Zainal Abidin berlatih menulis tanpa disuruh. Dia menulis ayat-ayat Quran di atas daun-daun pisang di belakang rumahnya. Pensilnya dibuat daripada ranting-ranting kayu yang diraut dengan pisau.

Kanak-kanak Batu Kikir tidaklah bernasib baik. Mereka tidak dapat pergi ke sekolah dengan mudah. Sekolah Melayu yang hampir sekali dengan kampung mereka jauhnya lima kilometer. Tambahan pula di sekitar Kampung Batu Kikir masih hutan dan mengikut ceritanya terdapat harimau berkeliaran di sana sini. Ibu bapa kanak-kanak di situ takut anak mereka dibaham harimau jika mereka pergi ke sekolah yang jauh dari rumah mereka.





Perbuatan Zainal Abidin menulis di atas daun pisang diketahui oleh bapanya. Cik Mat membelikan anaknya papan batu berserta dengan kalamnya sekali. Tidak berhenti-henti Zainal Abidin menulis di atas papan batu itu. Zainal Abidin juga telah belajar menulis tulisan rumi. Bapa saudaranya yang bekerja sebagai seorang guru sekolah Melayu telah mengajarnya. Ayah Zainal Abidin tidak tahu menulis rumi. Dia hanya pandai menulis jawi.

Zainal Abidin seorang anak yang tekun belajar sendiri. Tidak jemu-jemu dia menulis di atas papan batu. Puas dia menulis di atas papan batu, dia menulis pula di dalam buku-buku tulis. Dia berminat sekali menulis jawi dan rumi. Dia meniru tulisan dari Quran dan berbagai buku yang dijumpainya.

Bersekolah

Ketika berumur dua belas tahun, satu peristiwa sedih melanda hidup Zainal Abidin. Ibu yang dikasihinya meninggal dunia ketika sedang melahirkan anak yang keempat. Anak yang dilahirkan itu telah mati bersama ibunya.

Selepas empat puluh hari ibunya pulang ke rahmatullah, secara kebetulan sebuah sekolah Melayu didirikan di Batu Kikir. Zainal Abidin memasuki sekolah itu. Oleh kerana dia sudah tahu membaca dan menulis jawi dan rumi, Zainal Abidin ditempatkan dalam darjah tiga. Hanya Zainal Abidin seorang sahaja berada di dalam darjah tiga. Murid-murid selebihnya, yang berjumlah lapan puluh satu orang, ditempatkan dalam darjah satu. Tidak beberapa lama kemudian, beberapa orang murid dari sekolah lain juga telah memasuki sekolah itu. Mereka bersama Zainal Abidin dalam darjah tiga.



Tidak lama Zainal Abidin bersekolah di Batu Kikir, dia berpindah pula ke Linggi dan tinggal bersama salah seorang bapa saudaranya. Dia meneruskan persekolahannya di Sekolah Melayu Linggi. Di sekolah ini, dia berkesempatan membaca buku-buku yang dipinjamnya. Pengetahuannya semakin luas. Pemikirannya bertambah tajam. Penguasaan Bahasa Melayunya semakin meningkat. Tidak hairanlah kalau dia mendapat nombor satu dalam semua peperiksannya.



Setelah tiga tahun bersekolah di Linggi, dia masuki satu peperiksaan untuk menjadi guru. Dia lulus peperiksaan itu dan berjaya menjadi seorang guru. Ketika itu gaji guru hanyalah \$6.00 satu bulan.

Guru Besar sekolah Linggi adalah seorang yang berpandangan jauh. Dia dapat menilaikan kebolehan luar biasa Zainal Abidin. Didapatinya Zainal Abidin adalah seorang budak yang cerdas dan pintar di dalam pelajarannya. Guru Besar itu tidak menggalakkan

Zainal Abidin menjadi seorang guru. Atas nasihat guru besarnya, dia berikhtiar memasuki sekolah Inggeris di Seremban. Umurnya pada ketika itu empat belas tahun. Zainal Abidin berjaya mendapat tempat dalam sekolah Inggeris itu. Tindakannya untuk memasuki sekolah Inggeris ditentang oleh bapanya kerana bapanya menyangka yang anaknya akan menjadi seorang kafir. Pada zaman itu ibu bapa memang cenderung menghantar anak-anak mereka ke sekolah ugama termasuklah bapa Zainal Abidin sendiri.

Bagaimanapun, Zainal Abidin telah memasuki sekolah Inggeris di Seremban. Cita-citanya tinggi. Ayah Zainal akhirnya merasa lapang hati apabila dia mengetahui anaknya tidak pernah meninggalkan sembahyang dan puasa sungguhpun berada di dalam sekolah Inggeris.



Semasa umurnya dua puluh tahun, Zainal Abidin berjaya lulus, peperiksaan "Senior Cambridge" iaitu satu peperiksaan yang setaraf dengan SPM sekarang, tetapi dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris.



M.P.S.I.

Dengan kelulusan "Senior Cambridge"nya, Zainal Abidin mendapat pekerjaan sebagai seorang guru di Johor Bahru. Dia mengajar di English College. Zainal Abidin bertugas di Johor Bahru selama dua setengah tahun. Selepas itu dia bertugas pula mengajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar, sebuah sekolah yang ketika itu mengajar anak-anak orang bangsawan dan berada.

Sambil mengajar Zainal Abidin berulang alik ke Taiping mengikuti kursus untuk menjadi guru terlatih. Zainal Abidin sangat berminat dalam bidang penerangan. Dia kerap menulis dalam akhbar-akhbar tempatan mengenai berbagai perkara. Akhirnya dia berjaya menjadi guru terlatih tetapi gajinya telah tidak




dinaikkan. Ini disebabkan oleh tulisan-tulisannya yang kerap keluar di dalam akhbar. Zainal Abidin selalu membuat kecaman-kecaman tentang apa yang dirasakannya tidak adil. Kemunduran orang-orang Melayu disebabkan oleh penindasan British menjadi bahan tulisan utamanya.

Lima tahun Zainal Abidin mengajar Bahasa Melayu di Mactab Kuala Kangsar. Dia ditukarkan pula ke Kuala Lumpur untuk menjadi penterjemah di Pejabat Pelajaran. Ini ialah kerana kebolehannya dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Tidak lama selepas itu beliau telah ditukarkan ke Mactab Perguruan Sultan Idris. Semasa di Mactab Perguruan Sultan Idris, Zainal Abidin berusaha membantu menghidupkan majalah Guru dan majalah Al-Ikhwan. Di sinilah terdapatnya banyak peluang bagi Zainal Abidin menulis.

Mactab Perguruan Sultan Idris, ringkasnya M.P.S.I. merupakan pusat latihan perguruan yang pertama didirikan di Tanah Melayu. Ramai tokoh-tokoh pendidik, politik dan sastera tanahair telah mendapat pendidikan perguruan mereka di Mactab ini. Antara mereka ialah Tan Sri Dr. Awang Had Salleh, Profesor Atan Long dan Encik Abdul Ghafar Baba.

Zainal Abidin telah mengusahakan cerita-cerita lama untuk dijadikan buku. Buku itu diberi nama **Canai Bacaan**. Seterusnya beliau telah mengarang dua buah lagi buku, **Ilmu Bahasa Melayu** dan **Ilmu Mengarang Melayu**. Buku-buku ini digunakan sepenuhnya di semua sekolah Melayu pada masa itu. Buku-buku **Ilmu Bahasa Melayu** dan **Ilmu Mengarang Melayu** meletakkan nama Zainal Abidin sebagai seorang karyawan yang ahli dalam Bahasa Melayu. Bukunya ‘**Pelita Bahasa Melayu**’ yang dicetak dalam tiga jilid hingga hari ini dianggap sebagai buku rujukan utama bagi tatabahasa Melayu.

Zainal Abidin adalah lebih terkenal dengan nama singkatannya Za'ba. Kegiatannya mengarang beberapa buah buku seperti **Ilmu Bahasa Melayu** dan berbagai artikel membuat namanya bertambah harum dan dikenali ramai.





Menghadapi Perang Dunia Kedua

Dengan jiwanya yang ingin sentiasa maju pada tahun 1939, Za'ba telah berpindah ke Singapura dan bertugas sebagai juruhebah di Pejabat Penerangan Singapura. Tugas utama Za'ba ialah untuk menyampaikan berita bagi pihak British. Berita-berita itu sentiasa mengagung-agungkan kejayaan orang British dan di sebaliknya merendah-rendahkan kebolehan orang Jepun.

Ketika Za'ba berada di Singapura inilah Jepun menyerang Asia Tenggara. Singapura menjadi tumpuan utama serangan Jepun. Kapal terbang pengebom Jepun berjaya menenggelamkan dua buah kapal perang British di Laut China Selatan. Kedua-dua buah kapal perang itu dianggap kebal oleh pihak British. Mereka tidak sangka Jepun dapat menenggelamkannya.

Siang dan malam tentera Jepun mengebom Singapura. Kebanyakan orang bersembuni ke dalam lubang-lubang di bawah tanah yang telah disediakan terlebih dahulu untuk berlindung daripada bom. Lain pula keadaannya dengan Za'ba sekeluarga. Za'ba memang percaya kepada takdir. Katanya "jika mahu mati, di mana pun mati." Za'ba, isteri dan anak-anaknya hanya bersembungi di bawah katil.

Tentera British berkubu di depan rumah Za'ba. Ada sebuah lori yang berisi bahan letupan di belakang rumah itu. Sebutir daripada peluru meriam Jepun terkena lori tersebut. Lori itu terbakar dan meletup. Api yang bertebangan marak hampir dengan rumah Za'ba. Melihatkan keadaan yang sedemikian rupa,





Za'ba merasa takut dan bingung. Dia mengambil keputusan meninggalkan rumah itu. Kelam kabut sekali Za'ba sekeluarga berkemas. Za'ba terpaksa memakai baju berlapis-lapis tebalnya supaya tidak berat beg pakaianya. Anak-anaknya tertawa melihat ayahnya yang kelihatan gemuk itu walaupun mereka di dalam ketakutan.


Pada mulanya, berita kedatangan tentera Jepun menyenangkan hati orang-orang Melayu. Mereka telah biasa dengan orang-orang Jepun yang baik hati berniaga di tempat mereka. Tetapi mereka dapati anggapan mereka itu salah. Jepun ganas. Mereka membunuh sesiapa yang melawan mereka.

Kesudahannya Jepun berjaya menawan Singapura. Za'ba ketakutan. Selama ini beliau memburuk-burukkan Jepun melalui siaran radio British. Walau bagaimanapun, tentera Jepun tidak membunuhnya dengan satu syarat. Za'ba mesti menjadi juruhebah bagi pihak Jepun pula. Za'ba terpaksa bersetuju.

British Berkuasa Semula

Pada tahun 1945, tentera Jepun menyerah kalah. Sebelum Jepun menyerah kalah, Za'ba sekeluarga sudah pun berpindah ke Kuala Lumpur. Seorang kawan karibnya berbangsa Jepun terlebih dahulu memberitahunya tentang kemungkinan kekalahan tentera Jepun.

Tentera British datang semula ke Tanah Melayu. Pihak British pula merancang untuk menguasai Tanah Melayu sepenuhnya. Mereka memaksa sultan dan raja-raja Tanah Melayu menyerahkan kuasa kepada mereka sepenuhnya. Rancangan British ini dikenali sebagai "Malayan Union." Keseluruhan penduduk Melayu menentang "Malayan Union" British itu. Mereka telah gagal menubuhkan "Malayan Union."



Penentangan orang-orang Melayu diketuai oleh Datuk Onn. Datuk Onn merupakan orang yang pertama berjaya menyatupadukan bangsa Melayu. Sebelum ini bangsa Melayu kuat berpegang kepada sikap ke-daerahannya mereka. Usaha Datuk Onn telah dapat menghapuskan sikap orang Melayu yang merugikan itu. UMNO telah ditubuhkan oleh Datuk Onn untuk menyatupadukan bangsa Melayu. Za'ba dilantik menjadi setiausaha Agung UMNO yang pertama. Dia dilantik kerana penulisannya dalam akhbar-akhbar menyatakan tidak puas hati terhadap nasib bangsanya yang tertindas.



Za'ba tidak lama menjadi setiausaha Agung UMNO. Dia tidak berminat dalam bidang politik. Minatnya tertumpu kepada penulisan dan Bahasa Melayu. Za'ba percaya bahawa:

"Bahasalah yang akan dapat menambahkan kepandaian bangsanya kerana hanyalah bahasa yang boleh menjadikan manusia berilmu dan berakal."

Za'ba meneruskan minatnya dan bekerja di dalam bidang penterjemahan. Dia bekerja sebagai penterjemah di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur. Berhenti dari Mahkamah Tinggi dia bekerja pula menterjemah buku-buku pelajaran ke dalam Bahasa Melayu dari Bahasa Inggeris di Pejabat Pelajaran Kuala Lumpur.



Za'ba Di London

Oleh kerana kebolehannya yang tinggi dalam Bahasa Melayu, Za'ba telah ditawarkan jawatan pensyarah sebuah universiti di London, England pada tahun 1947. Dia ditugaskan mengajar Bahasa Melayu. Sambil bekerja dia belajar Bahasa Arab. Setahun selepas di London dia berjaya memperolehi diploma dalam Bahasa Arab.



Di London, Za'ba mula melihat sikap orang-orang British terhadap warna kulit. Umpamanya hanya orang-orang berkulit putih sahaja yang dibenarkan menginap di hotel-hotel mewah. Za'ba sendiri pernah tidak diterima menginap di salah sebuah hotel mewah di London kerana kulitnya yang dianggap hitam. Za'ba merasakan dirinya begitu kecil sekali. Dia meradang dengan sikap British. Dia berazam untuk menaikkan maruah bangsanya melalui buku-buku penulisannya.

Semasa di London, Za'ba berkesempatan melawat beberapa negara Eropah seperti Sepanyol, Sweden, Belanda dan Norway. Serata kampung dan bandar di England juga dilawatinya. Beliau mendapat banyak pengalaman dalam masa lawatan tersebut.

Apabila perkhidmatannya di universiti itu tamat, dia pulang ke tanah air. Za'ba bertugas pula sebagai pensyarah di Universiti Malaya, di Singapura sebagai Ketua Jabatan Pengajian Melayu. Ketika itu Za'ba sudah berumur lima puluh empat tahun. Walaupun umurnya setua itu dan pangkatnya sudah tinggi tetapi ia tidak menjadi penghalang baginya untuk meneruskan pelajaran. Dia mengambil Ijazah Sarjana Muda Sastera dan berjaya lulus.

Jauh Berjalan Luas Pandangan


Za'ba banyak melawat ke negara-negara asing. Sebelum bertugas di England pun, ketika masih bekerja di Tanah Melayu, dia telah pergi melawat Indonesia. Di antara bandar dan tempat yang dilawatinya ialah Jakarta, Bogor, Bandung dan di Pulau Jawa. Dia juga sempat melawat beberapa tempat di Pulau Sumatera. Memang satu kegemaran Za'ba ialah melancung dan melihat tempat dan katanya "Jauh berjalan banyak pengalaman."



Za'ba tidak jemu dari belajar, mengikut ceritanya. Za'ba bersama sekumpulan orang-orang Jerman telah cuba mendaki Gunung Bromo di Tosari di Pulau Jawa. Untuk pergi ke gunung Bromo mereka terpaksa menunggang kuda. Za'ba tidak pernah menunggang kuda. Terpaksalah dia diajar sekejap cara menunggang kuda dengan betul. Akhirnya dia berjaya walaupun sentiasa terhoyong-hayang di atas kuda itu.

Di Pulau Sumatera pula Za'ba dapat melihat gunung berapi Sibayak. Gunung berapi Sibayak dikelilingi oleh hutan tebal. Za'ba mendaki bersama-sama dengan beberapa orang India. Hanya seorang India sahaja yang boleh bertutur dalam Bahasa Melayu. Sedang Za'ba berbual-bual dengan India itu, mereka berdua terpisah dari rakan-rakan yang lain. Mereka sesat. Nasib mereka baik, laungan kuat mereka didengari oleh rakan-rakan yang lain setelah beberapa jam sesat di dalam hutan tebal itu.

Pemandangan, pergaulan dan pengalaman yang diperolehinya ketika mengunjungi Indonesia membuat Za'ba lebih bijak.



Lain Padang Lain Belalang

Ketika berada di England, beberapa pengalaman baru diperolehinya. Dia dapat menyaksikan sukan Olimpik tahun 1948. Sukan Olimpik itu diadakan di Kota London. Dia juga pernah pergi ke bandar pelabuhan Cardiff. Di Cardiff terdapat ramai orang-orang Islam dari Tanah Melayu. Mereka ke sana mengikut pelayarhan kapal laut. Za'ba sempat bertemu dan berbual dengan mereka.




Terdapat satu pengalaman yang paling memerlukan Za'ba ketika dia melawat salah sebuah negara Eropah. Orang-orang di bandar Madrid, dalam negeri Sepanyol tidak pernah mandi! Za'ba terpaksa menge luarkan wang tambahan untuk mendapatkan air mandi di hotelnya. Za'ba juga mendapati orang-orang Sepanyol sangat peramah. Mereka berbual di mana-mana sahaja. Selalunya semua orang berbual serentak sehingga Za'ba tidak tahu siapa yang mendengarnya. Tabiat orang Sepanyol ini jauh berbeza daripada orang Inggeris di England. Orang Inggeris pendiam dan tidak begitu peramah.

Za'ba dapati kesan-kesan pemerintahan Islam masih terdapat di Sepanyol. Terdapat sebuah istana dan sebuah masjid di bandar Seville, Sepanyol di mana ukiran tulisan Arab ada pada bangunan tersebut. Istana itu telah pun dijadikan muzium. Yang menyediakan Za'ba ialah masjid tersebut yang bernama Alumawi itu telah diubahsuaikan untuk menjadi sebuah gereja.

Perginya Seorang Pendita

Sepanjang hayat Za'ba, dia mengalami beberapa jenis penyakit. Penyakit yang tidak begitu teruk, didiamkan sahaja. Kesihatannya semakin terjejas apabila umurnya meningkat tua.

Tiada siapa yang boleh melawan takdir. Pada 23 Oktober, 1972, Za'ba menghembuskan nafasnya yang terakhir. Pergilah seorang Karyawan dan Pendita yang dikasihi! Memanglah tepat dia diberi gelaran Pendita. Sumbangannya terhadap ilmu Bahasa Melayu adalah amat tinggi nilainya.




Sebelum pemergiannya, beliau telah menerima berbagai anugerah. Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan telah menghormati beliau dengan memberi anugerah Ijazah Kehormat Doktor Persuratan, mengenang jasa beliau dalam bidang ilmu Bahasa Melayu. Kongres Bahasa dan persuratan Melayu Yang Ke Tiga telah memberi Za'ba gelaran "Pendita" kerana ketokohnya dalam bidang yang sama.

Negara Malaysia juga menghargai usaha-usaha Za'ba. Pada tahun 1962, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agung telah menganugerahkan bintang yang membawa gelaran "Tan Sri."

Segala penghormatan dan anugerah yang diterimanya adalah kerana pendapatnya yang berbunyi:

"Seseorang itu hanya beroleh tempat barang di mana dia sendiri menempatkan dirinya."



SOALAN:

1. Pada tahun berapakah Za'ba dilahirkan?
2. Siapakah yang mengajar selok belok agama Islam kepada Za'ba?
3. Berapakah umur Za'ba ketika dia mula bersekolah?
4. Mengapakah ayah Za'ba menentang anaknya bersekolah Inggeris?
5. Pada tahun 1956, Za'ba telah dianugerahkan gelaran 'Pendita.' Pihak manakah yang memberi gelaran tersebut?
6. Pihak manakah yang memberi Ijazah Doktor Kehormat kepada Za'ba pada tahun 1959?
7. Apakah tugas Za'ba selepas Jepun menyerah kalah?
8. Namakan negeri-negeri yang pernah dilawati oleh 'Za'ba.
9. Apakah nama buku karangan Za'ba yang menjadi rujukan utama bagi tatabahasa Melayu hingga ke hari ini?
10. Apakah kelulusan yang diterima oleh Za'ba ketika dia berumur 60 tahun?

26 JUL 1988

NASKHAT PEMERINTAH
PERPUSTAKAAN NEGARA
18 JULY

PROJEK BAKA

Buku yang diterbitkan dalam siri Pengkayaan BAKA telah melalui proses penulisan dan penyelidikan yang rapi bagi memastikan kesesuaianannya untuk bacaan kanak-kanak berumur 6-9 tahun. Buku-buku ini selepas ditulis, diperbincangkan dalam Bengkel BAKA, dicuba-ujji di sekolah, dinilai indeks kebolehbacaannya dan diedit semula sebelum diterbitkan. Hanya buku-buku yang didapati sesuai dari aspek:

- (a) indeks kebolehbacaan
 - (b) menimbulkan minat kanak-kanak membaca
 - (c) pengkayaan bahasa
- dan (d) pengkayaan pengalaman
saja yang dipilih untuk diterbitkan.

Buku-buku ini dibahagi kepada tiga kumpulan mengikut peringkat membaca:

- = Kumpulan A = untuk kanak-kanak yang mula membaca.
- Kumpulan B = untuk kanak-kanak yang peringkat membaca mereka tahun dua.
- Kumpulan C = untuk kanak-kanak yang peringkat membaca mereka tahun tiga dan ke atas.

Peningkatan dari peringkat membaca tahun satu ke tiga adalah bergantung kepada kebolehan kanak-kanak membaca dan tidaklah kepada jangkamasa atau tahun mereka membaca.

Adalah diharapkan siri buku BAKA ini akan dapat menanam minat membaca seumur hidup di kalangan anak-anak kita.